

14 MAY 1998

Mahathir-Tanggapan

TANGGAPAN SAYA MENGENAI SUDAN TELAH BERUBAH, KATA MAHATHIR/I

Oleh: Azman Ujang

KHARTOUM, 14 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tanggapannya pada masa lalu mengenai Sudan telah berubah berikutan kemajuan pesat yang dilihatnya di negara itu.

"Kemajuan pesat berlaku di Sudan. Saya datang ke sini buat kali pertama dan apa yang saya lihat telah mengubah tanggapan masa lampau saya tentang negara ini," kata beliau ketika berucap secara spontan selepas menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang dari University of Khartoum pada satu upacara di sini malam tadi.

Dr Mahathir yang kini dalam lawatan rasmi tiga hari ke negara Afrika ini berkata Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) pun mengakui kemajuan yang dicapai oleh Sudan. Ini merupakan lawatan pertama oleh seorang Perdana Menteri Malaysia.

"Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus memberitahu saya bahawa IMF tertarik dengan kemajuan Sudan," kata Dr Mahathir ketika berucap pada upacara yang diadakan di perkarangan universiti.

Dr Mahathir berkata beliau meletakkan penghormatan yang tinggi kepada Sudan yang seperti Malaysia ialah sebuah negara Islam dengan negara pelbagai kaum dan agama serta mengamalkan toleransi beragama.

"Saya sendiri melihat gereja-gereja di sini terletak berdekatan masjid. Ini ialah kebesaran Islam yang menuntut umatnya menghormati agama masyarakat lain.

"Propaganda kononnya tidak ada toleransi agama di Sudan adalah satu daripada pembohongan yang saya temui di sini," kata Dr Mahathir yang sebelum ke universiti untuk upacara itu mengadakan rundingan dengan Presiden Hassan Ahmed Al Bashir di Istana Republikan.

President Bashir sendiri mengenyepikan protokol untuk menyambut Dr Mahathir apabila beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Khartoum semalam dari Kaherah selepas menghadiri Persidangan Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) yang baru selesai.

Dari lapangan terbang, ketua negara Sudan itu, seorang jeneral tentera yang berkuasa pada 1989, secara peribadi "mengiringi" Dr Mahathir ke bilik penginapannya di Khartoum Hilton, tempat penginapan rombongan Perdana Menteri.

Dr Mahathir memulakan lawatan pada hari kedua ke Sudan hari ini dengan menemui naib Presiden Pertama Ali Osman Mohamad Taha, (setaraf Perdana Menteri) dan kemudian mengunjungi Presiden Perhimpunan Kebangsaan (Parlimen) dan Setiausaha Kongres Kebangsaan.

Dr Mahathir kemudian menemui seorang lagi tokoh dalam kerajaan Sudan, Dr Riak Machar selaku pengerusi Majlis Penyelarasan Selatan.

Dr Machar, yang selama bertahun-tahun diisytiharkan "Musuh Masyarakat Nombor Satu" apabila menjadi pemimpin satu kumpulan pejuang di Selatan Sudan, sekarang menjadi Penolong kepada Presiden Sudan berikutan pemeteraian Perjanjian Damai tahun lalu yang menamatkan perang saudara selama empat dekad di negara itu.

Perjanjian Damai itu memberi kepada penduduk di Selatan Sudan hak bagi menentukan masa depan sendiri yang akan dilaksanakan melalui pungutan suara yang diawasi antarabangsa sebelum berakhirnya tempoh kerajaan sementara.

"Sekarang, alasan bagi peperangan tidak lagi wujud dan kami menyelesaikan masalah kami melalui dialog dan rundingan. dengan wujudnya keamanan di Sudan, demokratik akan bertapak dan prinsip menghormati hak asasi manusia dan kebebasan akan dipertahankan.

"Sudan ialah sebuah negara yang luas dan mempunyai sempadan dengan sembilan negara. Kestabilannya penting bagi keamanan di Afrika dan Asia Barat," kata Dr Machar dalam wawancara dengan sebuah majalah Sudan, Sudanow, baru-baru ini.

Lewat hari ini, Dr Mahathir akan diwawancara oleh media tempatan sebelum menemui kira-kira 60 pelajar Malaysia di sini yang menuntut pengajian Islam.

Pada sebelah petang, beliau akan berdialog dengan para intelektual, sarjana dan anggota Parlimen Sudan dan berucap pada jamuan malam yang diadakan oleh Persektuan dan Majikan Sudan.

Sementara itu, Khartoum Hilton yang terletak di tebing sungai Blue Nile, satu-satunya hotel bertaraf antarabangsa sedang mengadakan Pesta Makanan Malaysia.

Pesta makanan selama dua minggu ialah bagi mengambil kesempatan kehadiran ramai rakyat Malaysia termasuk ahli perniagaan yang mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan ke sini.

Kira-kira 200 kakitangan Petronas dan keluarga mereka juga tinggal di sini. Petronas terbabit dalam projek pengeluaran minyak secara usahasama di negara ini.

Saluran paip minyak sepanjang 1,600 km sedang dibina untuk menyalurkan minyak dari kawasan pengeluaran ke Pelabuhan Sudan dan apabila siap pada Jun tahun depan ia membolehkan Sudan menjadi negara terbaru pengeluar minyak di dunia.

-- BERNAMA

AU FAZ